

Mekanisme Pembiayaan Mikro Kredit-*Qard Hasan* Melalui Dana Sunduq Al-Zakah Algeria

(Micro Credit-Qard Hasan Financing Mechanism Through Zakat Funding By The Algerian Sunduq Al-Zakah Fund)

Yusairi Yusli

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia

Email: ahmad_yusairi@kuips.edu.my

Fathullah Asni

Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: fathullah@usm.my

Article
Progress:

Submission date:
01-12-2023

Accepted date:
20-12-2023

ABSTRACT

The concept of qard hasan is an instrument in Islamic economics that emphasizes welfare aspects in its implementation. The concept of qard hasan has been developed into a zakat instrument and has been practised by several modern Muslim countries including Algeria. This study aims to explore the implementation mechanism of micro credit-qard hasan financing through zakat funding by Sunduq Al-Zakah, Algeria. This study uses a qualitative approach involving a literature review of related books and journals. The materials obtained will be analysed using the document analysis method. The study results show that Algeria has a comprehensive mechanism in implementing micro credit-qard hasan financing through the zakat fund that includes document review, application verification at the local level, and cooperation between Bank Al-Baraka for monitoring and records. Thus, this initiative was found to not only help asnaf entrepreneurs get capital to start and continue business, but it can also save asnaf entrepreneurs from getting involved in usurious loans. This can simultaneously improve the economy of small and medium entrepreneurs. The study found that Sunduq Al-Zakah, Algeria also devised a good strategy by collaborating with Bank Al-Baraka to avoid major risks to zakat funds. Likewise, monitoring the amount of zakat fund distribution practised by Sunduq Al-Zakah before allocating part of the zakat fund towards micro credit-qard hasan financing. This is intended so that the existing benefits can be preserved and guaranteed and so that destructive perceptions of Zakat management can be avoided. This study also found that the micro credit-qard hasan financing scheme through zakat fund is Shariah compliant by many modern scholars such as al-Qaradawi.

Keywords: Mikro kredit, Qard Hasan, Zakat, Algeria, entrepreneurs

PENGENALAN

Pengurusan zakat di pelbagai negara umat Islam telah membawa pelbagai pembaharuan yang boleh meningkatkan kutipan zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Syarak (Hasbulah et al., 2022; Halim et al., 2022). Antara usaha yang dilakukan ialah memperbanyakkan jenis harta yang boleh dizakatkan yang merangkumi zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat KWSP, zakat takaful, zakat perniagaan, zakat pelaburan, zakat emas dan perak serta zakat pertanian. Kepelbagaian ini telah membantu institusi zakat meningkatkan kutipan zakat dari semasa ke semasa (Paizin & Sarif, 2021; Asni, 2021).

Selain itu, kutipan zakat tidak lagi melalui kaedah tradisional, sebaliknya institusi zakat menyediakan pelbagai jenis saluran moden untuk memudahkan pembayar zakat. Antara saluran pembayaran zakat ialah melalui kaunter zakat di cawangan, kaunter zakat bergerak (van atau lori), skim potongan gaji, bank (kaunter, perbankan internet, mesin ATM) dan kaunter pejabat pos. Selain itu, terdapat pelbagai saluran alternatif yang terdiri daripada kaedah pembayaran zakat secara maya (bayar e-zakat), kad debit dan kredit, kiriman wang, cek, Koperasi dan lain-lain (Paizin & Sarif, 2021; Noor et al., 2022; Hasbulah et al., 2022).

Dari sudut agihan zakat, institusi zakat bukan sahaja mengagihkan wang zakat secara *one-off* atau sara hidup kepada golongan asnaf, malah institusi zakat telah menjalankan beberapa inisiatif seperti membina tempat pendidikan, membina tempat perniagaan, menyediakan kursus latihan, pemberian biasiswa, pemberian modal dalam bentuk wang atau peralatan dan tempat tinggal yang merangkumi pelbagai kategori asnaf dalam memberi peluang kepada mereka mengubah kehidupan daripada golongan asnaf kepada yang boleh menyumbang kepada tabung zakat melalui hasil kerja atau perniagaan mereka (Paizin & Sarif, 2021; Asni, 2021; Mohamad et al., 2022).

Walaupun terdapat pelbagai pembaharuan yang dilaksanakan dalam institusi zakat, terdapat beberapa kajian lepas yang mencadangkan konsep *qard hasan* dimasukkan dalam zakat. Ini seperti dalam kajian Adnan et al. (2017) yang mendapati kemasukan unsur *qard hasan* dalam zakat dapat memberikan manfaat yang lebih besar. Dalam kajian yang dilakukan oleh Nurcahaya et al. (2019) mendapati pemberian mikro kredit melalui dana zakat oleh Baitul Qiradh BAZNAS telah membebaskan usahawan mikro daripada sistem riba. Selain itu, dalam kajian oleh Haider Syed et al. (2020) mencadangkan model kecerdasan buatan dan teknologi kewangan Islam berasaskan *Natural Language Processing* (NLP) yang menggabungkan zakat dan *qard hasan* untuk membantu

ekonomi dengan meminimumkan kesan COVID-19 terhadap individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Selain itu, dalam kajian Muhd Adnan dan Che Roselam (2019) mendapati skim pinjaman mikro kewangan tidak formal telah berjaya memulihkan masalah kewangan yang dihadapi oleh peniaga kecil dan pengusaha gerai di kawasan bandar di Bangladesh. Begitu juga dengan pelaksanaan *qard hasan* di Baitulmal Aceh telah terbukti berjaya apabila dapat mengubah status usahawan miskin kepada kehidupan yang lebih baik dan pembayaran balik pinjaman berjaya dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan (Muhd Adnan et al., 2015).

Secara umumnya, perkataan *qard hasan* bermaksud pinjaman yang baik. Ia merupakan manifestasi keprihatinan seseorang untuk melakukan kebaikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesusahan terutama dalam aspek kewangan (Asni et al., 2023). Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah yang dipinjam tanpa faedah. Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada sikap tolak ansur dan keprihatinan peminjam yang boleh memberi saguhati dalam bentuk wang kepada pemiutang apabila melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemiutang kerana memberikan bantuan kepadanya dalam keadaan terdesak (Aderemi & Ishak, 2023). *Qard hasan* mempunyai pengertian umum yang dimaksudkan untuk membelanjakan harta di jalan Allah dan bersedekah kepada golongan fakir dan miskin. Selain itu, ia bertujuan untuk berhutang mengikut prinsip Syariah iaitu bebas daripada faedah dan jauh daripada pertamabahan dan mudarat (Abdullah, 2015; Asni et al., 2023). Justeru, kajian ini akan meneroka mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat oleh Sunduq Al-Zakah, Algeria.

SOROTAN KAJIAN

Konsep Zakat

Menurut Ibn Faris (1998), zakat dari sudut bahasa membawa maksud *al-namā'* (perkembangan) dan *al-ziyādah* (pertambahan). Dikatakan ia juga disebut sebagai *al-ṭahārah*, iaitu penyucian. Sebahagian pandangan menyatakan bahawa dinamakan sedemikian kerana apa yang menjadi satu pengharapan adalah pertambahan harta. Sebahagian yang lain menyatakan dinamakan zakat kerana ia menyucikan. Dalilnya adalah berdasarkan firman Allah SWT:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui." (al-Quran, 9:103)

Oleh yang demikian, asal perkataan zakat adalah merujuk kepada dua makna yang utama, iaitu pertambahan dan penyucian (Ibn Faris, 1998). Begitu juga menurut Sayyid Sabiq (2015), zakat disebut dengan pertambahan kerana ia dapat menyuburkan elemen-elemen kebaikan dalam jiwa manusia serta mengembangkan harta. Sementara zakat dimaksudkan dengan penyucian adalah kerana ia dapat menyucikan seseorang daripada sifat kikir cinta yang melampau terhadap harta. Dari sudut istilah, zakat membawa maksud hak yang diwajibkan pada harta tertentu untuk diberikan kepada golongan tertentu pada waktu-waktu tertentu (Ibn Muflih, 1997). Ibadat zakat merupakan ibadat yang istimewa kerana ia menghimpunkan antara dua hak, iaitu hak kepada Allah serta hak kepada manusia. Oleh yang demikian, bagi mereka yang menyempurnakan zakat bererti ia telah menyempurnakan kedua-dua hak yang diwajibkan ke atasnya untuk ditunaikan.

Konsep Qard Hasan

Menurut al-Khin (1992), *qard hasan* adalah perkataan arab yang membawa maksud, suatu barangan yang diberikan kepada individu sebagai hutang. Secara dasarnya, perkataan *qard hasan* merupakan gabungan antara dua perkataan, iaitu *qard* dan *hasan*. Al-Dusuqi (1971) menyatakan bahawa *qard* dari sudut bahasa bermaksud potongan (*al-qat' u*). Hal ini kerana harta yang diberi pinjam tersebut merupakan potongan daripada harta milik pemiutang. Ia juga disebut sebagai pinjaman. Dalam Al-Quran terdapat beberapa kalimah yang membawa kepada pengertian pinjaman, iaitu *al-dayn* dan *al-ghurm*.

Dari sudut istilah, terdapat beberapa pandangan para *fuqaha* daripada kalangan mazhab tentang maksud *al-qard*. Antaranya, mazhab Hanafi mendefinisikan *al-qard* sebagai suatu akad tertentu terhadap penyaluran harta berbentuk *māl mithlī* kepada individu lain supaya individu tersebut dapat mengembalikannya berdasarkan nilai yang sama. Melalui definisi tersebut, harta yang boleh dipinjamkan adalah harta yang berbentuk *mithlī*. *Māl mithlī* adalah harta yang mempunyai persamaan dengan harta yang lain dari sudut bentuk ataupun nilai serta harta tersebut mudah untuk didapati di pasaran (al-Dusūqī, 1971).

Seterusnya, Mazhab Maliki menyatakan bahawa *al-qard* merupakan suatu pembiayaan harta kepada seseorang dan penyerahannya mengikut nilai yang sama pada waktu yang lain bertujuan memberikan manfaat kepada peminjam sahaja. Melalui definisi tersebut dapat difahami bahawa pinjaman yang dilakukan hendaklah berfungsi sebagai membantu peminjam sahaja, tanpa dijadikan ruang kepada pemiutang dalam mengaut keuntungan daripada pinjaman tersebut (al-Maltawi, 1973).

Manakala di sisi mazhab Syafii pula menyatakan bahawa *al-qard* merupakan pemilikan sesuatu dengan imbalan penggantian semula pada waktu yang lain (al-Shirbīnī, 1998). Menurut Mazhab Hanbalī pula, mereka berpendapat bahawa *al-qard* bermaksud menyerahkan harta kepada peminjam dengan ketetapan ia mengembalikan gantinya (Ibn Qudāmah, 1997).

Kesimpulan yang dapat diambil daripada definisi-definisi tersebut adalah *qard* merupakan suatu pinjaman harta yang diberikan oleh pemiutang kepada penghutang tanpa sebarang syarat yang membawa keuntungan bagi pemiutang seperti pertambahan dan apa-apa manfaat yang berkaitan.

Hukum Pembiayaan Mikro Kredit-Qard Hasan Melalui Dana Zakat

Berdasarkan perbincangan ulama berkenaan status hukum pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat dari sudut Syariah, didapati ramai ulama yang mengharuskan pembiayaan tersebut. Antaranya ialah Abū Zahrah, Khallāf, Ḥasan, al-Qaraḍāwī (1977), ‘Abd al-Laṭīf (1993), al-‘Ānī (1999), al-Ḥaydar Ābādī (2003), al-Ba‘lī (2003), Al-‘Ajmi (2009), al-Zuḥaylī (2011), al-Mawdūdī dan Abū Ghuddah (Ṣalāḥuddīn, 2014),

Al-Qaraḍāwī (1977) menyatakan, berdasarkan dalil *qiyas* dan *maqasid Syariah* membolehkan pemberian *qard* kepada mereka yang berhajat daripada bahagian asnaf *gharimin*.

Oleh itu, adalah mungkin untuk menubuhkan dana khas daripada dana zakat, di mana ia boleh membantu memerangi riba dan secara praktikal menghapuskan faedah riba melalui dana zakat.

Institusi rasmi yang mengguna pakai dan melaksanakan skim mikro kedit *qard hasan* menggunakan dana zakat ini terdiri daripada negara Kuwait melalui institusi zakatnya yang dipanggil Bayt al-Zakāh. Resolusi IFA-OIC no. 15 (3/3) pada simposium ketiga oleh Bayt al-Zakāh menyatakan bahawa permohonan agihan zakat melalui *qard hasan* adalah dibenarkan oleh Syariah (Mikail et al. 2014). Selain itu, keputusan Majelis Ulama Indonesia (MUI) pada Ijtima Ulama Komiti Fatwa Indonesia ke-7 tahun 2021 tentang zakat berbentuk *qard hasan* menyatakan hukum membenarkan kaedah tersebut berdasarkan kemaslahatan yang lebih menyeluruh (Majelis Ulama Indonesia (MUI, 2021).

Selain itu, Algeria merupakan salah satu negara yang membolehkan kaedah pengagihan skim Mikro kredit *qard hasan* menggunakan zakat melalui institusi zakatnya yang dipanggil Şundūq al-Zakāh. *Qard hasan* di Algeria menggunakan harta zakat daripada pembayar zakat di seluruh negara sebagai subsidi untuk membantu peminjam yang layak (Mohammed & Mohammed, 2006). Sudan juga mengeluarkan undang-undang baru zakat dengan meletakkan maqasid al-syariah dalam agihan zakat. Ini membolehkan dana zakat diberi keutamaan kepada golongan fakir dan miskin, serta membolehkan pembiayaan mikro dilaksanakan secara menyeluruh (Muhammad, 2011).

Manakala di Malaysia, didapati Jawatankuasa Perundangan Undang-Undang Syara' Negeri Selangor melalui fatwanya pada 1998 telah memutuskan untuk membenarkan kaedah agihan zakat secara *qard hasan*. Ia telah dipersetujui dengan penerimaan pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep membayar balik separuh daripada peruntukan agihan modal dalam Kumpulan Wang Amanah Miskin dan Muallaf (DAM) (Muhd Adnan et al., 2021). Jawatankuasa Fatwa Melaka pada 2011 membenarkan skim mikro kredit *qard hasan* melalui dana zakat secara bersyarat. Menurut Jawatankuasa, skim bantuan pinjaman perniagaan *qard hasan* daripada asnaf *ghārimīn* boleh dibuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira pendapatan pemohon, selagi perniagaan yang dijalankan tidak bercanggah dengan hukum Syariah. Namun, disebabkan dana zakat yang terhad, pentadbir zakat perlu menetapkan syarat tertentu dalam pemberian pinjaman perniagaan berdasarkan kaedah *awlāwiyah* (keutamaan). Ini bagi memastikan wang zakat dapat diagihkan secara adil kepada semua asnaf yang berhak. Oleh itu, mereka mencadangkan kaedah ini

hanya sesuai untuk pemohon yang memenuhi dua syarat iaitu: i) pemohon yang ingin memulakan perniagaan dan ii) pemohon yang tidak dapat mendapatkan pinjaman daripada mana-mana institusi kewangan berlandaskan Syariah (Muhd Adnan et al., 2021).

Latar Belakang Dana Zakat, Algeria

Pada tahun 2003, Kementerian Hal Ehwal Agama dan Wakaf Algeria telah menubuhkan sebuah institusi yang menguruskan dana zakat, iaitu Sunduq Al-Zakah (Dana Zakat). Ia juga dikenali sebagai sebuah institusi keagamaan, sosial dan kebajikan yang memainkan peranan penting dalam menghimpunkan dana zakat daripada para dermawan, golongan muzakki serta bertindak dalam mengagihkannya kepada golongan asnaf di Negara Algeria.

Pada peringkat awal penubuhan, Sunduq Al-Zakah Algeria menjalankan fungsinya dari sudut pengagihan dana zakat kepada golongan yang kurang berkemampuan seperti wanita yang diceraikan suaminya, mereka yang tiada pendapatan akibat tidak mampu bekerja dan golongan kurang Upaya (OKU). Namun apabila berlaku peningkatan golongan yang menganggur serta terdapat lebih dana zakat, maka pihak Dana Zakat Algeria memulakan inisiatif dengan mewujudkan sebuah tabung khas yang dikenali sebagai tabung dana pelaburan. Tindakan ini diambil sebagai salah satu langkah memberikan kemanfaatan secara meluas terhadap kepelbagaian kategori masyarakat yang memerlukan.

Secara dasarnya, tabung dana pelaburan zakat merupakan sebuah tabung yang sumbernya diambil daripada dana zakat lalu diperuntukkan kepada kumpulan masyarakat tertentu yang memerlukan di Algeria dengan menggunakan elemen *qardḥ ḥasan*. Perkara ini merupakan salah satu langkah proaktif daripada pihak Dana Zakat Algeria dalam usaha untuk membasmi kemiskinan serta mengatasi isu pengangguran. Adapun sektor-sektor yang menjadi fokus dalam instrumen pembiayaan secara *qardḥ ḥasan* ini adalah melibatkan industri perubatan, industri kraf tangan, industri perkhidmatan, industri penghasilan dan industri pertanian (Fatimah et al., 2019)

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana ia melibatkan kajian kepustakaan merangkumi buku dan jurnal yang berkaitan. Kemudian pengkaji mengenal pasti pandangan para

fuqaha' berkenaan dengan status pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat serta mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* oleh Suduq al-Zakah, Algeria. Setelah data diperolehi, ia akan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dengan mengidentifikasi, menyaring, menafsirkan, dan membahagikan data ke dalam kategori mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* oleh Sunduq Al-Zakah, Algeria (Lebar, 2018).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Mekanisme Pelaksanaan Pembiayaan Mikro Kredit Qard Hasan

Secara dasarnya, satu kerjasama khas telah dibuat antara Dana Zakat Algeria dan Bank Al-Baraka Algeria bagi pengurusan pembiayaan mikro kredit *qard hasan*. Justeru, Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Agama telah meletakkan satu prosedur khas sebagai satu usaha melancarkan proses permohonan.

Kaedah Penyaluran Pinjaman


Pemohon pinjaman hendaklah mengemukakan permohonan kepada Tabung Dana Zakat Tempatan untuk disemak di mana ia mengikut kriteria berikut (Ameur, 2019):

- i. Kelayakan pemohon pinjaman hendaklah dilakukan di peringkat unit Zakat di masjid dengan kerjasama Jawatankuasa Kemasyarakatan Setempat.
- ii. Jawatankuasa Dana Zakat peringkat negeri hendaklah menyusun permohonan yang diterima mengikut keutamaan berdasarkan kepada pemohon yang paling terjejas serta yang paling memberikan manfaat.
- iii. Penyediaan senarai pemohon yang layak, iaitu dibuat secara khusus untuk diserahkan kepada Agensi Kebangsaan Sokongan Belia dan Pekerja (agensi yang menguruskan hal berkaitan belia dan pekerja) serta satu lagi dibuat khusus untuk diserahkan kepada Kumpulan Wang Negara Insurans Pengangguran (Bagi urusan insurans pengangguran).
- iv. Penyediaan senarai penerima di bawah kerangka pembiayaan mikro kredit. Seterusnya mereka perlu ke Bank Al-Baraka untuk mendapatkan manfaat pinjaman.

Adapun bagi tujuan rekod fail untuk mendapatkan manfaat pinjaman, pihak Bank Al-Baraka telah menetapkan beberapa prosedur yang perlu diikuti iaitu:

- i. Penerima dalam kategori ini dipanggil ke Bank Al-Baraka untuk diproses rekod akaun mengikut prosedur yang ditetapkan.
- ii. Penerima perlu menandatangani dokumen perjanjian pinjaman.
- iii. Bank akan membayar kepada pembekal secara langsung tanpa memberikan wang tunai kepada penerima.
- iv. Bank turut menyediakan pembiayaan tambahan sekiranya terdapat keperluan. Namun, ianya perlu mengikut prosedur tambahan.

Berikut merupakan prosedur yang perlu dilalui oleh pemohon dalam mendapatkan dana pembiayaan:



Rajah 1: Prosedur mendapatkan pinjaman

Sumber: Ameur (2019)

Perlu difahami bahawa penerima pembiayaan ini juga boleh dipohon oleh wanita yang tinggal di rumah serta orang kurang upaya (OKU) yang mampu bekerja. Walau bagaimanapun, projek yang dibiayai dalam kerangka ini tidak boleh melebihi had pembiayaan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Dana Zakat Kebangsaan.

Kaedah Pemantauan

Pembiayaan secara *qard hasan* merupakan suatu pembiayaan yang mudah terdedah kepada risiko. Antara faktor ia berisiko adalah disebabkan oleh tanggapan sebahagian penerima dana pembiayaan yang memahami bahawa dana tersebut adalah daripada zakat, maka ia tidak menjadi masalah untuk

tidak dikembalikan (Ameur, 2019). Justeru, dalam mengurangkan risiko terhadap dana zakat, pihak Dana Zakat Algeria sentiasa melakukan pemantauan terhadap jumlah dana zakat yang terkumpul.

Sekiranya hasil kutipan zakat pada tahun itu melebihi DZD (Algerian Dinar) 5,000.000, maka 50% daripadanya akan diperuntukkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin, 12.5 % agihan lain-lain dan 37.5% adalah dimasukkan ke dalam Tabung Dana Pelaburan Zakat bagi tujuan *qard ḥasan*. Namun sekiranya kutipan pada tahun tersebut kurang daripada DZD 5,000.000, maka 87.5% akan diperuntukkan kepada golongan asnaf fakir dan miskin, 12.5% agihan lain-lain dan tiada peruntukan dana zakat yang dimasukkan ke dalam Tabung Dana Pelaburan Zakat (Fatimah et al., 2019).

Oleh itu, pemantauan terhadap jumlah kutipan zakat tahunan dilihat sebagai salah satu usaha berkesan bagi menjamin kemaslahatan buat asnaf dan pengurangan risiko terhadap dana zakat yang diperuntukkan bagi tujuan mikro kredit-*qard ḥasan*.

Jadual 1: Pengagihan Jumlah Pendapatan Zakat

Jumlah Kutipan Zakat	Asnaf Faqir dan Miskin	Peruntukan bagi <i>Qard ḥasan</i>	Lain-lain
< DZD 5,000.000	87.5%	-	12.5%
>DZD 5,000.000	50%	37.5%	12.5%

Sumber: Fatimah et al., (2019)

KESIMPULAN

Konsep *qard hasan* merupakan satu instrumen dalam ekonomi Islam yang menitikberatkan aspek kebajikan dalam pelaksanaannya. Konsep *qard hasan* telah dikembangkan melalui penggunaan dana zakat dan telah diamalkan oleh beberapa negara Islam moden termasuk negara yang mempunyai jumlah umat Islam terbesar iaitu Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk meneroka mekanisme pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat oleh Sunduq Al-Zakah Algeria. Hasil kajian menunjukkan bahawa Algeria mempunyai mekanisme yang komprehensif dalam pelaksanaan pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat yang merangkumi penelitian dokumen, pengesahan permohonan di peringkat tempatan serta kerjasama antara Bank Al-Baraka bagi tujuan pemantauan dan rekod. Justeru, inisiatif ini dikesan bukan sahaja membantu usahawan asnaf mendapatkan modal untuk memulakan dan meneruskan perniagaan, malah ia juga dapat menyelamatkan usahawan asnaf daripada terlibat dalam pinjaman yang berunsur riba. Ini sekaligus dapat meningkatkan ekonomi usahawan kecil dan sederhana.

Kajian mendapati Sunduq Al-Zakah, Algeria turut merangka strategi yang baik melalui kerjasamanya dengan pihak Bank Al-Baraka dalam mengelakkan risiko besar terhadap dana zakat. Begitu juga, pemantauan jumlah agihan dana zakat yang diamalkan oleh Sunduq Al-Zakah sebelum memperuntukkan sebahagian daripada dana zakat tersebut ke arah pembiayaan mikro kredit-*qard hasan*. Hal ini bertujuan agar kemaslahatan sedia ada dapat dipelihara dan terjamin serta mengelakkan persepsi buruk terhadap pengurusan zakat. Kajian ini juga mendapati pembiayaan mikro kredit-*qard hasan* melalui dana zakat adalah bersifat patuh Syariah dan hal ini telah dinyatakan oleh ramai ulama moden seperti al-Qaradawi (1977).

PENAKUAN

Penyelidikan ini disokong oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Ruj: FRGS/1/2022/SSI13/KUIPS/02/1). Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Kolej Universiti Islam Perlis kerana menyokong kerja penyelidikan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Laṭīf, M. (1993). *al-Zakāh al-Usus al-Shar‘īyah wa al-Dawr al-Inmā’ī wa al-Tawzī‘ī*. Beirut: al-Mu’assasah al-Jāmi‘īyah.
- Abdullah, M. (2015). *Analysing the Moral Aspect of Qard: A Shariah Perspective*. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 8(2), 171-184.
- Aderemi, A. M. R. and Ishak, M. S. I. (2023). *Qard Hasan as a feasible Islamic financial instrument for crowdfunding: its potential and possible application for financing micro-enterprises in Malaysia*. *Qualitative Research in Financial Markets*, 15(1), 58-76.
- Al-‘Ani, K. (1999). *Maṣārif al-Zakāh wa Tamlikuhā fī daw’ al-Kiāb wa al-Sunnah*. Riyadh: Dār Usāmah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Al-‘Ajmi, N. H. (2009). *Al-Iqrāḍ min Amwāl al-Zakāh*. Jāmi‘ah al-Kuwayt.
- Al-Ba‘lī, A. H. (2003). *Taqnīn A‘māl Al-Hay’āt al-Shar‘īyah Ma‘ālimuhu wa Āliyyātuhu*. Jāmi‘ah al-Kuwayt.
- al-Dusuqi, M.a (1971) *Hasyiyah al-Dusuqi ‘ala al-Sharh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah.
- Al-Ḥaydar Ābādī, M. H. (2003). *Naḥwa Iqtisād Islāmī Salīm*. Al-Qahirah: Maktabah al-Manār.
- Al-Khin. (1992). *Fiqh al-Minhajī ala Mazhabī al-Imam al-Syafī*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Al Maṭṭāwī, H. K. (1973). *Fiqh al-mu‘āmalāt ‘alā madhab al-Imām Mālik aṭ-Ṭab’a 2*.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1977). *Fiqh al-Zakāh: Dirāsah Muqāranah li Aḥkāmihā wa Falsafatihā fī Daw’ al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn al-Khatib (1998). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Daral-Fikr.
- al-Zuḥaylī, M. (2011). *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*. Syria: Dār al-Qalam.
- Ameur, A. A., & Ahssen, D. (2019). *The application of the hassan loan in Algeria: Social experience and solutions*. *Economy*, 6(2), 56-64.
- Asni, F. (2021). Pengurusan Kutipan dan Agihan Zakat oleh MAIPS Ketika Covid-19 di Negeri Perlis: Suatu Sorotan Kajian: Management of Zakat Collection and Distribution By Maips During Covid-19 In Perlis: A Literature Review. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 4(2 December), 1-13.
- Asni, F., Noor, A. M., Hasbulah, M. H., Rani, M. A. M., & Abd Mutalib, H. (2023). Analysis Of Maips Strategies In Zakat Management To Address The Impact Of Covid-19 In Perlis. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 1189-1209.
- Asni, F., Yusli, A. Y., & Zulkifli, M. I. (2023). Micro Credit-Qard Hasan Financing Mechanism Through Zakat Funding By Baznas Indonesia. *Journal of Namibian Studies: History Politics Culture*, 35, 2643-2659.
- Fatimah, S., Mustafa, R., & Karimah, J. (2019) *Financing of micro-businesses with Al-Quardh Al-Hassan Case study of the Setif Zakat Fund (2004-2014)*. *Journal of Muamalat*, 5(2), 855-874.

- Haider Syed, M., Khan, S., Raza Rabbani, M., & Thalassinou, Y. E. (2020). An artificial intelligence and NLP based Islamic FinTech model combining Zakat and Qardh-Al-Hasan for countering the adverse impact of COVID 19 on SMEs and individuals. *International Journal of Economics and Business Administration*, 8(2), 351-364.
- Halim, W. M. A. W., Asni, F., Noor, A. M., & Hasbulah, M. H. (2022). Strategy in Zakat Collection and Distribution by Lzs in Selangor During Covid-19. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 1965 – 1977.
- Hasbulah, M. H., Asni, F., Noor, A. M., & Halim, W. M. A. W. (2022). Economic impact of Covid-19 outbreak: a study of zakat collection and distribution management in Zakat Penang (ZP). *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 1047-1066.
- Hasbulah, M. H., Noor, A. M., Asni, F., Halim, W. M. A. W., & Zuki, M. F. M. (2022). *Management of zakat collection and distribution during the Covid-19 pandemic: a case study on Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1394-1404.
- Ibn Faris (1998). *al-Shâhibî fi Fiqh al-Lughah*. Bairut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibn Muflih (1997). *al-Mubdi' fi Sharh al-Muqni'*. Bayrut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah , Abi Muhammad Abd Allah ibn Ahmad ibn Muhammad. *al-Mughni li Ibn Qudāmah* (1997) T.Tp: Maktabah al-Qaherah.
- Indonesian Council of Ulama [MUI]. (2021). *Himpunan Fatwa Zakat Majelis Ulama Indonesia 1976-2021*. Sekretariat Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia.
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Masyita, D. (2018). Lessons Learned of Zakah Management from Different Era and Countries. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah (Journal of Islamic Economic)*, 10(2), 441–456.
- Mohamad, N. M., Arizan, A. T., & Asni, F. (2022). An Analysis Of Income Zakat Payment Practice Among The Staff Of Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS): Analisis Amalan Bayaran Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS). *Al-Qanatiir: International Journal of Islamic Studies*, 25(1), 1-11.
- Mohammed, A. H. & Mohammed, F. (2006). *Suggestions On The Loan Hassan*. Ministry of Zakat and Religious Affairs. Zakat Fund Algeria.
- Muhd Adnan, N. I. (2015). *Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh Dan Potensi Pelaksanaan di Institusi-institusi di Malaysia*. Doctor of Philosophy Thesis. Universiti Sains Malaysia.
- Muhd Adnan, N. I., & Che Roselam, M. A. B. (2019). Pengagihan dana zakat dalam bentuk pembiayaan mikro untuk usahawan miskin di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.

- Muhd Adnan, N. I., Hamat, Z., Yahaya, M. Z., & Zain, M. N. M. (2017). Agihan zakat secara mikro kredit: Analisis daripada perspektif masalah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 2(1), 45-59.
- Muhd Adnan, N. I., Nik Abdul Ghani, N. A. R., Abd Rahman, A. H. & Abdullah, M. F. (2021). *Zakat dan Pembiayaan Mikro: Inovasi Agihan Untuk Kelestarian Dana Zakat*. Alliance Islamic Bank.
- Noor, A. M., Asni, F., Hasbulah, M. H., Halim, W. M. A. W., Mutalib, H. A., & Bakar, M. A. (2022). Zakat Collection and Distribution Methods in The Phase of Covid-19 Pandemic: Analysis of its Implementation in Perak. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(8), 97 - 109.
- Nurcahaya, Yusriali, Akbarizan, Srimuhayati, Hayani, N. (2019). Al-Qardh dari harta zakat bagi mustahik dan implementasinya di BAZNAS Indonesia Dan PPZ Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 17(2), 203-215.
- Paizin, M. N., & Sarif, S. (2021). Strategi Pengurusan Kutipan Zakat Semasa: Optimumkah Kutipan Zakat Di Malaysia? The Current Zakat Collection Strategy: Does Zakat Collection in Malaysia Optimum?. *Sains Insani*, 6(3).
- Şalāhuddīn, M.M. A. (2014). *Iqrāḍ amwāl al-zakāh*. Master's thesis. Universiti al-Quds.
- Sayyid Sabiq (2015) *Fiqh Al-Sunnah*. Al-Kaherah: Dar al-Hadis
- Zakat House (T.t), About Zakat House. Lihat: https://www.zakathouse.org.kw/zakateng_page.aspx?id=653 (Diakses pada 18/01/2023)